

Jangan pupuk sikap suka bergantung pada bantuan luar — Dr. M.

MM 21 NOV 1982

KUALA LUMPUR, 20 Nov. Datuk Sri Dr. Mahathir Mohamad hari ini mengingatkan pertubuhan-pertubuhan yang membantu golongan masyarakat yang lemah supaya jangan memupuk sikap suka bergantung di kalangan golongan itu.

Perdana Menteri berkata, sebarang hadiah dan derma yang diberikan oleh pertubuhan-pertubuhan kemasyarakatan untuk memperbaiki hidup golongan yang kurang bernasib baik memanglah dialu-alukan dan dihargai.

"Tetapi kita hendaklah berhati-hati supaya kita tidak memupuk sikap yang suka bergantung kepada bantuan luar di kalangan orang-orang itu", tambahnya ketika berucap di majlis makan malam persidangan Rotary di sini malam ini.

Beliau mengesyorkan, kelab-kelab yang memberikan perkhidmatan sosial itu sebaliknya hendaklah mencari jalan untuk membolehkan golongan berkenaan membantu diri sendiri.

Katanya, pertubuhan-pertubuhan itu boleh mengadakan projek gotong-royong yang disertai oleh ahli-ahli pertubuhan dan juga oleh orang-orang yang memerlukan bantuan.

"Kelab-kelab tidak harus mencari jalan mudah dengan membahagikan derma atau

bantuan lain kepada mereka yang memerlukan bantuan.

"Projek gotong-royong bukan sahaja memberikan faedah kepada penerima bantuan tetapi akan juga membantu memupuk semangat untuk berkhidmat di kalangan kelab-kelab yang terlibat", tegasnya.

Terdahulu dari itu, Datuk Sri Dr. Mahathir berkata, rakyat di Malaysia memang digalakkan menyertai perkhidmatan-perkhidmatan atau pelaksanaan projek-projek yang memberikan

faedah kepada masyarakat.

Penglibatan rakyat, jelasnya, ialah melalui pertubuhan-pertubuhan mereka sendiri untuk melaksanakan projek mereka sendiri seperti Kelab Rotary, Lions, Apex dan Jaycees.

Tambah beliau, satu lagi cara untuk melibatkan diri ialah rakyat setempat menyertai kerajaan dalam merancang dan melaksanakan projek bagi faedah mereka sendiri.

"Sumbangan penduduk setempat itu boleh berupa tenaga atau dalam bentuk kewangan yang dikutip. Ada kalanya projek di negara ini dilaksanakan berdasarkan skim satu ringgit untuk satu ringgit.

"Walaupun bagaimanapun, kerajaan tidak begitu menggalakkan skim pelaksanaan itu kerana perbelanjaan di pihak kerajaan memerlukan belanjawan yang

tetap", tambahnya.

Mengenai pertubuhan-pertubuhan sosial lagi, Perdana Menteri berpendapat bahawa badan-badan itu merupakan jentera yang berkesan untuk mencapai suatu orde sosial, ekonomi dan politik.

Katanya, apa yang kurang di dunia di kalangan manusia sekarang ialah kesedaran "conscience".

"Golongan yang kaya dan yang berpengaruh dalam masyarakat dunia telah mempermain-mainkan kesedaran itu dan menggantikannya dengan keangkuhan", katanya lagi.

Datuk Sri Dr. Mahathir kemudian menegaskan bahawa di sinilah pertubuhan-pertubuhan sosial dapat memainkan peranan mereka dalam membangkitkan kesedaran tersebut.